

28 AUG 2002

Law-Jerebu (Bergambar)

M'SIA BINCANG ISU JEREBU DENGAN MEGAWATI DI JOHANNESBURG, KATA LAW

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka membincangkan isu jerebu ketika bertemu Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri di Johannesburg minggu depan, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding.

Beliau berkata Abdullah yang mengetuai delegasi negara ke Mesyuarat Pembangunan Lestari Sedunia di bandaraya Afrika Selatan itu akan mengadakan pertemuan dengan Megawati bagi menyatakan kebimbangan Malaysia mengenai masalah jerebu yang melanda negara sekarang.

"Kita (Malaysia) berharap mereka (Indonesia) akan bekerjasama mengambil tindakan yang sewajarnya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Produk Berteknologi Tinggi dan Baru Malaysia-China di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Law berkata sebelum ini kementerian telah cuba untuk mengatur perjumpaan dengan Menteri Alam Sekitar Indonesia sebelum menghadiri mesyuarat di Johannesburg tetapi kesuntukan masa.

"Bagaimanapun, perjumpaan itu boleh dilakukan di Johannesburg, semasa semua menteri dan pegawai kanan yang terlibat secara langsung dalam isu alam sekitar berada di sana," katanya.

Beliau berkata Malaysia juga akan meminta kerjasama daripada Menteri Alam Sekitar Singapura dan Brunei dalam menyokong usaha negara meminta Indonesia supaya bertegas dalam usaha mengatasi masalah jerebu.

Menyentuh mengenai laporan media yang menyebut Agensi Alam Sekitar Kebangsaan Singapura sebagai berkata masalah jerebu yang dihadapi sekarang hanya akan berakhir November ini, Law berkata kenyataan itu hanya satu ramalan.

Katanya, jerebu yang wujud sekarang disebabkan oleh kebakaran terbuka dan fenomena El Nino yang memburukkan lagi keadaan.

"Selepas ini, bulan September adalah musim hujan dan saya berharap dengan hujan yang turun itu akan sedikit sebanyak membantu memulihkan keadaan El Nino yang dihadapi," katanya.

Law juga menjelaskan bahawa mengikut laporan Jabatan Alam Sekitar, impak El Nino lebih dirasai di Sabah dan Sarawak dan amat kurang sekali di Semenanjung Malaysia.

Katanya, secara keseluruhan keadaan kualiti udara di negara ini adalah baik walaupun di sesetengah tempat mengalami kualiti udara tahap sederhana.

"Ini bererti keadaan kualiti udara sekarang adalah memuaskan tetapi ini tidak bererti jerebu atau keadaan cuaca panas tidak berlaku lagi sekarang. Cuaca panas mungkin boleh kembali lagi pada bila-bila masa," katanya.

Ketika ditanya mengenai laporan kajian mengenai kesan tambahan Singapura ke atas ekologi kawasan perairan Selat Johor, beliau berkata laporan itu belum diserahkan lagi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, laporan itu kini hampir siap dan dijangka siap sepenuhnya sebelum penghujung Oktober ini.

-- BERNAMA

FA MFJ ZB